

Kaedah dagangan emas yang dipercayai di Malaysia




FGLD

Niaga Hadapan Emas

Didagangkan di
Bursa Malaysia

ANDA JENIS PELABUR YANG MANA SATU?



Setiap pelabur mempunyai matlamat yang berbeza, dan pendekatan anda untuk mencapai-matlamat tersebut bergantung kepada keinginan risiko/pulangan pelaburan anda.

Anda boleh mengenal pasti anda jenis pelabur yang mana satu dalam carta ini dan di samping produk yang terdapat dalam brosur ini, anda juga boleh mempertimbangkan produk-produk lain untuk dimasukkan dalam portfolio anda.

**PELBAGAI PILIHAN KHUSUS UNTUK
SETIAP PELABUR
DIBURSAMALAYSIA**

FGLD

NIAGA HADAPAN EMAS MALAYSIA KINI TERSENARAI DI CME GLOBEX®

- Akses Global
- Dagangan Dikawal Selia
- Dagangan Leveraj
- Manfaat daripada Pasaran Menaik dan Menurun

KOD TIK FGLD

- CME Globex® : BMD\FGLD\kod kontrak bulanan yang berkaitan
Contoh : BMD\FGLD\OCT14
- Bloomberg : FGDA Cmdty CT (Cari)
- Thomson Reuters : <FGLD> + <Kod Bulanan> + <Kod Tahunan>
Contoh : <FGLDZ3> DEC3 kontrak
- Interactive Data : FGLD\Mnn, yang M adalah kod bulan dan nn adalah nombor tahun
Contoh : F:FGLD\Z13



APAKAH **FGLD**?

FGLD ialah kontrak niaga hadapan emas bersaiz kecil dalam Ringgit Malaysia (“RM”) yang didagangkan di Bursa Malaysia Derivatives, yang memberi peserta pasaran pendedahan kepada pergerakan harga emas antarabangsa.

Saiz Kontrak: Setiap kontrak FGLD adalah bersamaan dengan 100 gram emas.

Harga: Penentuan harga kontrak FGLD ditanda aras kepada Harga Tetap Emas London.

Penyelesaian

Tunai: Tiada penghantaran fizikal kerana ia adalah kontrak penyelesaian tunai. Kontrak FGLD akan diselesaikan apabila luput dengan menggunakan harga tunai yang bersamaan dengan harga emas yang dibeli (contohnya 100 gram), dikira menggunakan harga tetap London AM (Sesi pagi) (dalam USD) pada hari terakhir dagangan dan ditukar nilai kepada RM.

MENGAPA BERDAGANG DALAM FGLD?

a. Akses Global

FGLD didagangkan di CME Globex[®], iaitu sebuah platform dagangan elektronik global. Akses kepada CME Globex[®] adalah mudah, membolehkan pedagang individu dan profesional di seluruh dunia mengakses kesemua produk Bursa Malaysia Derivatives.

b. Dagangan Dikawal Selia

Dagangan kontrak FGLD di Bursa Malaysia Derivatives berada di bawah kawal selia Suruhanjaya Sekuriti Malaysia mengikut akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

Deposit margin dan pembayaran yang berkaitan dengan penyelesaian kontrak niaga hadapan dijamin oleh Bursa Malaysia Derivatives Clearing, manakala aktiviti dagangan broker niaga hadapan juga dikawal selia.

Rangka kerja kawal selia ini memberikan perlindungan tambahan dan keyakinan kepada pedagang pasaran.

c. Dagangan Leveraj

Dalam pasaran niaga hadapan, anda cuma perlu menandatangani peratusan kecil daripada nilai sebenar (notional) kontrak (**dikenali sebagai margin permulaan**). Margin ini akan berubah berdasarkan turun naik harga emas. Leveraj membolehkan anda mendapat pendedahan yang lebih besar kepada jumlah nilai pasaran emas.

d. Manfaat daripada Pasaran Menaik dan Menurun

Tidak seperti membeli “aset” yang berdasarkan harga terkini (contohnya saham atau aset fizikal), kontrak niaga hadapan membolehkan anda untuk mengambil kedudukan masa kini berdasarkan pandangan anda tentang arah harga pada masa depan. Pedagang mempunyai peluang untuk menjual dahulu di pasaran menurun dan ini adalah kelebihan dagangan kontrak niaga hadapan. Ia memberikan peniaga fleksibiliti untuk menyertai dan mengambil peluang dalam pelbagai arah dan pergerakan pasaran.

Sebagai contoh, jika anda ingin mendapatkan pendedahan kepada emas dan menjangkakan harga emas akan turun pada masa depan (contohnya pada bulan Disember), anda boleh menjual kontrak niaga hadapan Disember sekarang untuk mengunci harga pada hari ini, dan mengambil keuntungan anda pada bulan Disember apabila kontrak luput pada harga yang lebih rendah. Keupayaan untuk “menjual” kontrak tanpa perlu membeli dahulu, membolehkan anda mendapat manfaat daripada kedua-dua pergerakan harga iaitu menurun dan menaik.

3

MARGIN DAN MATA WANG DILULUSKAN

Margin Permulaan hendaklah didepositkan dengan Broker Niaga Hadapan berlesen anda sebelum memulakan dagangan. Semua deposit mata wang untuk Margin Permulaan adalah tertakluk pada kadar potongan seperti yang ditentukan oleh Bursa Malaysia Derivatives Clearing dari semasa ke semasa.

Walaupun, Margin Perubahan adalah dalam Ringgit Malaysia (RM), Margin Permulaan diterima dalam bentuk mata wang lain seperti yang tersenarai di bawah:

- Ringgit Malaysia (RM)
- Dolar AS (USD)
- Pound British (GBP)
- Euro (EUR)
- Dolar Hong Kong (HKD)
- Yen Jepun (JPY)
- Renminbi China (RMB)
- Dolar Singapura (SGD)
- Dolar Australia (AUD)

Sila rujuk kepada Broker Niaga Hadapan berlesen anda mengenai bentuk cagaran lain yang diluluskan.

CONTOH DAGANGAN 4

Objektif 1 – Perlindungan Nilai Aset

Simon mempunyai 1kg (1000g) syiling emas yang dikumpul sejak beberapa tahun. Dia memerhatikan bahawa harga emas telah menurun dan menjangkakan arah penurunan akan berterusan. Dia ingin mengekalkan pegangan terhadap portfolio emas fizikal bagi tujuan persaraan. Untuk melindungi nilai asetnya, dia boleh menggunakan kontrak FGLD dengan cara berikut:

Kuantiti Emas:	1000g
Harga Emas semasa:	RM130 setiap gram
Senario:	Harga emas dijangka MENURUN

Bagaimana FGLD boleh membantu dalam senario ini?

Langkah 1: Pentaksiran nilai portfolio = RM130,000 (RM130 x 1000g)

Langkah 2: Mentaksir jumlah perlindungan nilai = 10 kontrak FGLD
(100g = 1 kontrak FGLD,
1000g = 10 kontrak FGLD)

Langkah 3: Melaksanakan pesanan FGLD dengan broker

Jual 10 kontrak FGLD pada harga semasa RM130

Dengan andaian harga emas menurun kepada RM100 setiap gram

Langkah 4: i. Mentaksir semula nilai portfolio = RM100,000 (RM100 x 1000g)

Rugi Kasar (Nilai emas fizikal) = (RM30,000)
(RM130,000 – RM100,000)

ii. Untung Kasar ke atas FGLD = RM30,000*
((RM130 - RM100) x 1000g)
(Jual 10 kontrak FGLD pada RM130,
Beli 10 kontrak FGLD pada RM100)

Dengan cara ini, dia mengekalkan nilai syiling emas dalam situasi pergerakan harga yang menurun.

* Margin Permulaan perlu didepositkan sebelum memulakan dagangan

* Kos transaksi tidak termasuk dalam contoh ini

Objektif 2 – Mengunci pada harga emas semasa

Anak perempuan Puan Deepika akan berkahwin dalam masa 6 bulan. Dia bercadang untuk mengeluarkan sejumlah deposit tetap bagi membeli barang kemas emas. Walau bagaimanapun, deposit tetap (FD) tidak dapat dikeluarkan sehingga hampir kepada tarikh perkahwinan. Puan Deepika menyedari yang harga emas telah meningkat dan bimbang keadaan ini boleh mengurangkan jumlah emas yang akan dibelinya kelak. Untuk mengunci harga emas semasa, dia boleh menggunakan kontrak FGLD dengan cara berikut:

Kuantiti Emas:	200g
Harga Emas semasa:	RM130 setiap gram
Nilai FD:	RM26,000
Senario:	Harga emas dijangka MENINGKAT

Bagaimana FGLD boleh membantu dalam senario ini?

Langkah 1: Pentaksiran nilai emas	= RM26,000 (RM130 x 200g)
Langkah 2: Pentaksiran jumlah perlindungan	= 2 kontrak FGLD (100g = 1 kontrak FGLD, 200g = 2 kontrak FGLD)
Langkah 3: Melaksanakan pesanan FGLD dengan broker	

Beli 2 kontrak FGLD pada harga semasa RM130

Dengan andaian harga emas meningkat kepada RM160 setiap gram

Langkah 4: i. Mentaksir semula nilai emas	= RM32,000 (RM160 x 200g)
Rugi Kasar (Nilai emas fizikal)	= (RM6,000) (RM32,000 – RM26,000)
ii. Untung Kasar ke atas FGLD	= RM6,000* ((RM160 - RM130) x 200g) (Beli 2 kontrak FGLD pada RM130, Jual 2 kontrak FGLD pada RM160)

Dia boleh menambah keuntungan ke atas jumlah deposit tetap dan **membeli emas pada jumlah yang sama yang dikehendakinya**. Dengan menggunakan strategi ini, **dia mengunci harga emas** pada masa dia membeli FGLD.

* Margin Permulaan perlu didepositkan sebelum memulakan dagangan

* Kos transaksi tidak termasuk dalam contoh ini

Objektif 3 – Mengambil peluang atas turun naik harga emas

Suhaila berminat untuk menjadikan emas sebagai aset di dalam portfolio pelaburannya. Dia memerhatikan yang harga emas telah bergerak aktif pada kedua-dua keadaan (turun dan naik). Suhaila percaya bahawa dia boleh mendapat keuntungan daripada turun naik harga. Untuk mendapat manfaat daripada pasaran yang tidak menentu, dia boleh menggunakan kontrak FGLD dengan cara yang berikut:

Kuantiti Emas: 100g
Harga Emas semasa: RM130 setiap gram

Bagaimana untuk mendapat manfaat daripada kontrak FGLD?

Senario A : Harga emas dijangka MENINGKAT

Langkah 1 : Beli satu kontrak FGLD pada RM130

Dengan andaian harga emas meningkat kepada RM150 setiap gram

Langkah 2 : Jual satu kontrak FGLD pada RM150

Untung kasar atas FGLD : RM2,000* (RM20 x 100 gram)

Senario B : Harga emas dijangka MENURUN

Langkah 1 : Jual satu kontrak FGLD pada RM130

Dengan andaian harga emas menurun kepada RM100 setiap gram

Langkah 2 : Beli satu kontrak FGLD pada RM100

Untung kasar atas FGLD : RM3,000* (RM30 x 100 gram)

Dia boleh menggunakan pelbagai strategi untuk memaksimumkan peluang dagangan dalam pasaran, contohnya dagangan spread, dagangan arbitraj dan dagangan secara terang-terangan.

* Margin Permulaan perlu didepositkan sebelum memulakan dagangan

* Kos transaksi tidak termasuk dalam contoh ini

5

APAKAH PRODUK LAIN YANG KAMI TAWARKAN?

Derivatif Ekuiti

- Niaga Hadapan FTSE Bursa Malaysia KLCI (FKLI)
- Opsyen atas Niaga Hadapan FTSE Bursa Malaysia KLCI (OKLI)
- Niaga Hadapan Saham Tunggal (SSFs)

Derivatif Kewangan

- Niaga Hadapan Kadar Ditawarkan Antara Bank KL 3-Bulan (KLIBOR) (FKB3)
- Niaga Hadapan Sekuriti Kerajaan Malaysia 3-Tahun (FMG3)
- Niaga Hadapan Sekuriti Kerajaan Malaysia 5-Tahun (FMG5)

Derivatif Komoditi

- Niaga Hadapan Emas (FGLD)
- Niaga Hadapan Minyak Sawit Mentah (FCPO)
- Opsyen atas Niaga Hadapan Minyak Sawit Mentah (OCPO)
- Niaga Hadapan Minyak Sawit Ditapis Olein USD RBD (FPOL)
- Niaga Hadapan Minyak Sawit Mentah USD (FUPO)
- Niaga Hadapan Minyak Sawit Isirung Mentah (FPKO)

MEMULAKAN PERDAGANGAN



Langkah 1

Buka Akaun Dagangan Niaga Hadapan dengan Broker Niaga Hadapan berlesen oleh Bursa Malaysia Derivatives.

Langkah 2

Deposit Margin Permulaan dengan broker.

Langkah 3

Mula berdagang FGLD.

Bagaimanakah saya ketahui lebih lanjut?

Sila hubungi Broker Niaga Hadapan pilihan anda yang akan menasihati dan memberikan maklumat terkini kepada anda dengan sewajarnya. Anda juga boleh meyemak pelbagai **seminar pendidikan yang tersenarai di laman web Bursa Malaysia**.

Penafian

Brosur ini telah disediakan bertujuan untuk memberikan maklumat umum sahaja. Maklumat yang terkandung dalam brosur ini bukan merupakan nasihat undang-undang, kewangan atau pelaburan ataupun membuat sebarang cadangan berkaitan dengan produk dan perkhidmatan yang disebut di sini.

Walaupun segala usaha telah diambil untuk memastikan ketepatan maklumat dalam brosur ini, Bursa Malaysia tidak menjamin atau mewakili, sama ada secara nyata atau tersirat tentang ketepatan atau kelengkapan maklumat di sini. Bursa Malaysia tidak menerima sebarang liabiliti terhadap apa jua keputusan pelaburan atau dagangan yang dibuat berdasarkan maklumat ini. Anda dinasihatkan untuk mendapatkan nasihat bebas untuk setiap pelaburan dan/atau dagangan.

BURSA MALAYSIA BERHAD

Exchange Square
Bukit Kewangan
50200 Kuala Lumpur
Malaysia

Tel: +(603) 2034 7000
Fax: +(603) 2026 3584
Email: futures@bursamalaysia.com

www.bursamalaysia.com